

Level of Sustainability Heritage Cities in Malaysia

Tahap Kelestarian Bandar Warisan di Malaysia

Mohamad Khairul Anuar Ghazali*, Yazid Saleh, Hanifah Mahat

Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: p20191001143@siswa.upsi.edu.my

Article history:

Received: 22nd July 2021 | Received in revised form: 3rd September 2021 | Accepted: 15th November 2021 | Published online: 1st January 2022

Abstract

This article aims to measure the level of sustainability of heritage cities in Malaysia. Respondents consisted of 1000 residents in 10 selected heritage towns throughout Malaysia selected based on cluster sampling method and simple random to fill out a questionnaire. Likert scale questionnaires 1 to 5 were used to elicit feedback. Five sustainability constructs were used, namely economic, social, environmental, cultural heritage, and government/community role. The results showed that items in each study construct achieved acceptable reliability with a Cronbach Alpha value greater than 0.70 and met normality test requirements. Descriptive analysis of frequency, percentage, and mean values were used to obtain each construct's level of sustainability. The results of the study found that the cities that got high scores were Georgetown (3.94), Taiping (4.00), Melaka City (3.76), and Muar (3.71). Meanwhile, the cities that got average scores were Kuala Kubu Bharu (3.36), Jugra (3.23), Tampin (3.37), Kuala Lipis (3.28), Kota Bharu (3.65), and Kuching (3.51). Only, five cities surpass the average value of Malaysia heritage cities of 3.58. The implications of this study can be used as an indicator of the level of sustainability of heritage cities in Malaysia and be a reference to make the process of improvement towards a more sustainable city by 2030.

Keywords: heritage city, sustainability level, sustainability construct, cultural heritage

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk mengukur tahap kelestarian bandar warisan di Malaysia. Responden terdiri daripada 1000 orang penduduk di 10 buah bandar warisan terpilih seluruh Malaysia yang dipilih berdasarkan kaedah persampelan kelompok dan rawak mudah untuk mengisi borang soal selidik. Soal selidik skala Likert 1 hingga 5 digunakan untuk mendapatkan maklum balas. Lima konstruk kelestarian digunakan iaitu ekonomi, sosial, alam sekitar, warisan budaya dan peranan kerajaan/komuniti digunakan dan hasil kajian menunjukkan bahawa item dalam setiap konstruk kajian mencapai kebolehpercayaan yang dapat diterima dengan nilai Cronbach Alpha lebih besar daripada 0.70 dan memenuhi syarat ujian normaliti. Analisis deskriptif kekerapan, peratusan, dan nilai min purata digunakan untuk mendapatkan tahap kelestarian setiap konstruk. Hasil kajian mendapati bahawa bandar yang mendapat skor yang tinggi ialah Georgetown (3.94), Taiping (4.00), Bandaraya Melaka (3.76), dan Muar (3.71). Manakala bandar yang mendapat skor yang sederhana pula ialah Kuala Kubu Bharu (3.36), Jugra (3.23), Tampin (3.37), Kuala Lipis (3.28), Kota Bharu (3.65) dan Kuching (3.51). Hanya lima buah bandar sahaja melepasi nilai purata bandar warisan Malaysia iaitu pada tahap 3.58. Implikasi dari kajian ini dapat dijadikan petunjuk tentang tahap kelestarian bandar warisan di Malaysia dan menjadi rujukan untuk melakukan proses pembaikan kearah bandar yang lebih lestari menjelang tahun 2030.

Kata kunci: bandar warisan, tahap kelestarian, konstruk kelestarian, warisan budaya

© 2022 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENDAHULUAN

Petunjuk pembangunan bandar lestari telah banyak digunakan oleh pelbagai negara. Antara petunjuk tersebut ialah Petunjuk Bandar Global (CHS, 2004), *City Data Book* (ADB, 2001), *Sustainable Cities Index* (Australian Conservation Foundation, 2010), Indeks Pembangunan Lestari Thailand (ESCAP, 2007) dan lain-lain. Petunjuk-petunjuk ini bertujuan untuk mengukur kelestarian bandar di tempat masing-masing. Begitu juga halnya dengan Malaysia. Di Malaysia Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (MurniNet 2.0) (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2019) digunakan untuk mengukur tahap kelestarian bandar. Namun begitu, petunjuk pembangunan bandar lestari yang digunakan oleh kebanyakan negara termasuk Malaysia hanyalah melibatkan indikator ekonomi, sosial, alam sekitar dan institusi (peranan kerajaan dan komuniti) sahaja tanpa melibatkan indikator warisan budaya.

Agenda Pembangunan Lestari (SDG) yang mula diperkenalkan sejak 2015 ada menggariskan tentang kepentingan terhadap indikator warisan budaya dalam pembangunan bandar lestari terutama yang melibatkan bandar warisan (UNESCO, 2017). Oleh itu, Appendino (2017), telah menambah satu lagi indikator dalam pembangunan bandar warisan lestari iaitu indikator warisan budaya setaraf dengan indikator ekonomi, sosial, alam sekitar dan institusi menjadikan lima indikator secara keseluruhan. Penambahan indikator ini disokong oleh Leus dan Verhelst (2018); Wang dan Gu (2020); Pham et al. (2019); Poon (2019); Karoglou et al. (2019); Salvatore (2018);

dan Wiktor-Mach (2019) yang mengatakan bahawa indikator warisan budaya perlu dimasukkan dalam pengukuran kelestarian kerana kegagalan pembangunan bandar lestari pada zaman sekarang adalah disebabkan oleh peminggiran warisan budaya.

Oleh yang demikian, penyelidikan ini menggunakan lima indikator dalam mengukur tahap kelestarian bandar warisan di Malaysia. Penetapan lima indikator yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah berdasarkan kepada kehendak dan polisi pembangunan lestari dalam SDG (United Nation, 2019), Agenda Baharu Bandar (ABB) (Habitat III, 2016), Agenda 21 (United Nation Sustainable Development, 1992), Gerakan Bandar Sihat (HCM) (Barton & Grant, 2012), dan Rancangan Malaysia Ke-11 (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2018). Secara jelas menurut polisi ini, pembangunan lestari secara langsung merangkumi aspek ekonomi, sosial, alam sekitar, warisan budaya serta peranan kerajaan dan komuniti. Gabungan daripada lima indikator ini digunakan sebagai pemboleh ubah untuk penentuan tahap kelestarian bandar warisan di Malaysia.

■ 2.0 KAJIAN LEPAS

Pembangunan lestari ditakrifkan sebagai pembangunan yang memenuhi keperluan masa kini tanpa mengkompromikan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka. Pembangunan lestari menggabungkan kelestarian ekonomi, sosial, dan alam sekitar dengan pembasmian kemiskinan dan kesaksamaan agihan pendapatan sebagai salah satu matlamat utama yang penting (Chamhuri et al., 2014). Di peringkat global ia dicituskan melalui Limit to Growth (1972) (Meadows et al., 1972), diikuti Brundland Report (1987) (Brundtland, 1987), Rio Summit (1992) (UNESCO, 2017), Decade of Education for Sustainable Development (2004-2014) (UNESCO, 2017) dan yang terkini ialah SDG dengan 17 matlamat utama yang perlu diambil tindakan oleh setiap negara (United Nation, 2019).

Dalam konteks pembandaran, pembangunan lestari telah membawa pelbagai perubahan dalam agenda pembandaran global antaranya ialah Gerakan Bandar Sihat (The Healthy Cities Movement), Agenda Tempatan 21 (Agenda Tempatan 21) dan terkini Agenda Baharu Bandar. Agenda Baharu Bandar yang mempunyai matlamat untuk masa depan yang lebih baik dan lebih lestari (Satterthwaite, 2016; Habitat III, 2016). Agenda Baharu Bandar ini telah diterima dalam Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Tentang Perumahan dan Pembangunan Bandar Lestari untuk mewujudkan bandar lestari menjelang tahun 2030 (Caprotti et al., 2017).

Menurut Fatimah et al. (2008) serta Abdul Samad et al. (2004), pembangunan bandar lestari adalah suatu proses membuat keputusan bersama oleh pihak yang berkepentingan dalam merancang bandar seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), persatuan peniaga setempat, Badan Bukan Kerajaan dan pengguna, bagi memastikan bahawa aktiviti ekonomi, kebajikan penduduk (termasuk kesihatan) dan ekosistem sama-sama diberi pertimbangan bersepadu bagi memastikan generasi kini dan akan datang dapat memenuhi keperluannya secara berterusan. Kriteria penting dalam pembentukan bandar lestari ialah ekonomi, sosial dan alam sekitar serta keupayaan PBT dalam melaksanakan usaha bagi mencapai misi serta visi pembangunan lestari yang dirancang.

Selain dari hubungan antara pembandaran yang baik seperti penciptaan peluang pekerjaan, peluang mata pencarian, dan peningkatan kualiti hidup, Agenda Baharu Bandar juga turut meletakkan warisan semula jadi dan budaya di bandar-bandar sebagai komponen utama dalam perancangan bandar termasuklah usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang terbaik, promosi dan penyebaran pengetahuan berkenaan warisan budaya ketara dan tidak ketara yang ada di bandar dalam mencapai kelestarian bandar dan seterusnya memenuhi hasrat pembangunan lestari (Habitat III, 2016). Ini membuktikan bahawa warisan budaya telah diiktiraf sebagai komponen utama dalam mewujudkan bandar lestari. Keadaan ini menjadi perdebatan sarjana seperti Runnalls (2007), Tweed dan Sutherland (2007) serta Bandarin et al. (2011) yang meletakkan warisan budaya sebagai dimensi kelima dalam pembangunan lestari. Manakala Appendino (2017), dengan jelas telah menunjukkan perubahan dalam paradigma terhadap asas kelestarian apabila beliau meletakkan elemen warisan sebagai salah satu tiang utama bagi mencapai kelestarian.

Memandangkan Malaysia komited melaksanakan agenda SDG dan menggunakan Agenda baharu Bandar dalam konteks pembangunan bandar lestari, adalah penting untuk Malaysia mempunyai satu instrumen atau pemboleh ubah untuk mengukur tahap kelestarian bandar warisannya. Hal ini bertepatan juga dengan kehendak Rancangan Malaysia ke-11 pada Teras kedua, visi Dasar Pembandaran Negara 2 (DPN 2) dan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Bahagian II- Dasar berhubung dengan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan) yang bertujuan untuk menyediakan bandar yang mampan untuk kesejahteraan rakyat tanpa meminggirkan unsur warisan budaya. Hal ini kerana, terdapat 162 buah bandar di Malaysia tergolong dalam bandar warisan berdasarkan kepada keunikan dan ciri-ciri yang terdapat pada bandar tersebut seperti deretan bangunan bersejarah yang dibina sebelum Perang Dunia Ke-2 (WW2), adat resam, dan nilai estetika menurut laporan Kajian Inventori Warisan Seni Bina Malaysia (Syed Zainol, 1992). Terma bandar warisan lestari ini tidak tertakluk kepada bandar warisan yang telah diiktiraf oleh UNESCO sahaja, tetapi merangkumi semua bandar yang mempunyai ciri-ciri keunikan budaya (Syed Zainol, 1992). Bandar warisan adalah bandar yang unik, kerana ia telah melalui tempoh yang lama untuk kewujudan dan perkembangannya, selain itu dari segi morfologinya ia berbeza dengan bandar-bandar yang moden kerana di samping pembangunan moden ia juga turut menawarkan suasana yang mengimbau masa silam apatah lagi jika ia dituruti oleh kebudayaan masyarakat yang pelbagai yang turut dipulihara dan ditonjolkan, makmur ekonominya, sejahtera komunitinya dan terpelihara alam sekitar fizikalnya.

Bandar warisan lestari bukan sahaja dapat memberikan kemudahan tempat tinggal yang selamat, tempat beriadah yang mencukupi, dilengkapi dengan bekalan air, elektrik dan telekomunikasi yang cekap, peluang pekerjaan dan sistem pengangkutan yang efisien tetapi dalam masa yang sama juga mampu untuk mengekalkan warisan yang wujud kerana ia adalah sebahagian daripada proses memperkasakan jati diri bangsa yang terkenal dengan kerencaman senibina, etnik, budaya, bahasa dan agamanya (Graham et al., 2016). Warisan bandar sama ada dalam bentuk ketara (tangible) atau tidak ketara (intangible) merupakan keunikan yang tidak mungkin ada di bandar-bandar lain.

Tahap kelestarian bandar warisan di Malaysia dapat dikenalpasti melalui penggunaan indikator kewujudan elemen-elemen kelestarian sedia ada. Dalam usaha mencapai matlamat SDG, setiap negara perlu menyediakan data baharu dengan menggunakan petunjuk yang menyeluruh selain menggunakan petunjuk yang sedia ada (Murninet 2.0) (Abdul Samad et al., 2004; Choon et al., 2011). Dengan


menggunakan asas petunjuk yang disediakan oleh Murninet 2.0 ditambah dengan indikator warisan budaya yang diperkenalkan oleh Appendino (2017), Leus dan Verhelst (2018) Wang dan Gu (2020); Pham et al. (2019); Poon (2019); Karoglou et al. (2019); Salvatore (2018); Wiktor-Mach (2019) dan lain-lain, maka sebuah instrumen dengan lima konstruk yang lengkap dibina dan diaplikasikan di bandar warisan seluruh Malaysia untuk mengukur tahap kelestarian.

3.0 METODOLOGI DAN KAWASAN KAJIAN

3.1 Kawasan Kajian

Lokasi kajian adalah 10 buah bandar warisan di Malaysia yang disenaraikan dalam laporan Kajian Inventori Warisan Seni Bina Malaysia (Syed Zainol, 1992) yang terdiri dari pelbagai hierarki iaitu bandar besar, bandar sederhana dan bandar kecil yang dipilih daripada lima zon kajian iaitu; Zon Utara (Pulau Pinang -Georgetown dan Perak-Taiping); Zon Tengah (Selangor-Kuala Kubu Bharu dan Jugra); Zon Selatan (Negeri Sembilan-Tampin, Melaka-Bandaraya Melaka dan Johor-Muar); Zon Pantai Timur (Pahang-Kuala Lipis, Kelantan-Kota Bharu) dan Zon Malaysia Timur (Sarawak-Kuching) (Rajah 1). Dalam penyelidikan ini, bandar yang dipilih merujuk kepada bandar warisan yang wujud atau ditubuhkan sebelum perang atau lebih tepat pada 1940-an di seluruh Malaysia yang tersenarai dalam Kajian Inventori Seni Bina Malaysia pada tahun 1992 termasuklah dua (2) buah bandar yang telah disenaraikan dalam *World Heritage List* iaitu (1) Georgetown dan (2) Bandaraya Melaka. Bangunan warisan yang terbina sebelum perang mempunyai gaya seni bina dan reka bentuk yang unik mengikut pengaruh semasa pada waktu tersebut seperti gaya *Eclectic*, *Neo-Klasik*, dan *Art Deco*. Bangunan sebelum perang memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi rupa bandar atau *streetscape* yang menarik dan membentuk identiti bandar warisan Malaysia (Syed Zainol, 1992). Selain itu, pemilihan bandar warisan juga berdasarkan kepada jumlah bangunan yang dibina sebelum perang iaitu dalam 1940-an. Jumlah bangunan ini diambil daripada Kajian Inventori Warisan Seni Bina Malaysia sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 1 (Syed Zainol, 1992). Selain bangunan warisan, bandar warisan terpilih di Malaysia juga mempunyai keunikan dari segi budaya tidak ketara seperti etnik dan sub etnik, gaya hidup, loghat percakapan dan adat resam yang mendasari kawasan tersebut.

Rajah 1 Peta Kawasan kajian



Jadual 1 Jumlah bangunan warisan di kawasan kajian

Bandar Warisan	Jumlah Bangunan
Georgetown	4336
Taiping	526
Kuala Kubu Bharu	95
Jugra	11
Tampin	61
Bandaraya Melaka	1531
Muar	468
Kuala Lipis	67
Kota Bharu	171
Kuching	502

3.2 Populasi dan Sampel

Kajian melibatkan 1000 orang responden dari pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia yang berumur 18 tahun keatas. Pemilihan sampel kajian terdiri daripada penduduk tempatan dan penduduk bukan tempatan yang tinggal di kawasan kajian kerana mereka bertindak sebagai komuniti setempat yang mengerakkan ekonomi dan menjadi saksi perubahan pembangunan serta penerima kesan positif dan negatif daripada kelestarian bandar warisan tersebut. Untuk menentukan jumlah sampel yang perlu dipatuhi berdasarkan jumlah populasi penduduk, tiga kriteria dirujuk iaitu (i) Jadual sampel Krejchic dan Morgan (1970), (ii) Jadual Cohen (1992) iaitu jika 10 pemboleh ubah kajian digunakan untuk analisis *multiple regression* pada aras kesignifikanan 0.05 maka jumlah sampel adalah sebanyak 833 orang dan (iii) berdasarkan *rule of thumb* Tabachnick dan Fidell, (1996), saiz sampel yang sesuai untuk analisis faktor adalah terdiri daripada 300 responden atau 50 responden bagi setiap faktor. Manakala Comrey dan Lee (1992) memberi panduan berikut untuk sampel saiz 1000 adalah cemerlang. Oleh itu, berdasarkan panduan ketiga-tiga syarat tersebut, kajian ini menetapkan jumlah sampel adalah seramai 1000 orang. Persampel kajian dilakukan berdasarkan kepada prosedur persampelan kelompok (*cluster sampling*). Hal ini kerana, ciri-ciri kawasan dan populasi kajian terlalu besar iaitu melibatkan banyak subjek dan menurut Chua (2006) persampelan kelompok adalah paling sesuai untuk digunakan bagi mendapatkan hasil yang signifikan dalam situasi ini (Jadual 2).

Jadual 2 Jumlah populasi dan sampel kajian

Bandar	Penduduk	Sampel
Georgetown	207,743	100
Taiping	212,562	100
Kuala Kubu Bahru	26,648	100
Jugra	7,371	100
Tampin	32,917	100
Bandaraya Melaka	331,790	100
Muar	152,255	100
Kuala Lipis	16,285	100
Kota Bharu	491,237	100
Kuching	658,549	100
Jumlah	2,137,357	1000

3.3 Instrumen

Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang telah melalui proses analisis faktor iaitu analisis faktor penerokaan (EFA) dan analisis faktor pengesahan (CFA). Analisis EFA dan CFA dilakukan untuk mengenalpasti dan menyusun semula sebilangan besar item soal selidik ke dalam komponen-komponen di bawah setiap pemboleh ubah tertentu dan mencapai ketepatan padanan model (Chua, 2014). Hasil daripada analisis EFA telah mengelompokkan item ke dalam lima kategori (konstruk) dan menggugurkan sebanyak 20 item daripada 154 item keseluruhan. Baki 134 item daripada EFA kemudiannya digunakan untuk analisis CFA dan hasilnya hanya 57 item sahaja yang berjaya membentuk model CFA yang fit. Seterusnya, set soal selidik sebenar mengandungi enam bahagian iaitu bahagian A, B, C, D, E dan F (Jadual 3). Setiap bahagian mengandungi maklumat yang berkaitan dengan konstruk kajian iaitu Bahagian A (Kemakmuran Ekonomi), Bahagian B (Kesejahteraan Sosial), Bahagian C (Kesejahteraan Alam Sekitar), Bahagian D (Warisan Budaya), Bahagian E (Peranan Kerajaan dan Komuniti) dan Bahagian F (Profil responden) (Jadual 3).

Jadual 3 Maklumat soal selidik

Bahagian	Konstruk	Penjelasan Konstruk	Bil. Item	Sumber
A	Kemakmuran Ekonomi	Kemakmuran ekonomi merujuk kepada mobiliti manusia, aktiviti perniagaan/pelaburan dan pertumbuhan ekonomi yang menyumbang kepada peluang pekerjaan, pendapatan, dan pergerakan masuk manusia.	13	Diubahsuai daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (2019) dan Choon et al., (2011)
B	Kesejahteraan Sosial	Kesejahteraan komuniti akan merujuk kepada kemudahan asas, perhubungan dan utiliti, keselamatan dan ketenteraman awam. Kemudahan asas menjurus kepada infrastruktur yang disediakan untuk kegunaan semua penduduk, keselamatan dan ketenteraman awam pula berkaitan dengan masalah sosial dalam masyarakat dan perhubungan/utiliti ialah berkaitan dengan jaringan pengangkutan serta perkhidmatan domestik seperti bekalan air dan elektrik yang akan membawa kepada kesejahteraan sosial.	9	Diubahsuai daripada United Nation Sustainable Development (1992) dan Choon et al., (2011)
C	Kesejahteraan Alam Sekitar	Kualiti alam sekitar merujuk kepada kesihatan fizikal, iaitu elemen udara, bunyi, bau, penyakit bawaan dan bekalan air bersih. Kedua ialah guna tanah yang melibatkan kawasan tepu bina yang akan menyumbang kepada kualiti alam sekitar.	8	Diubahsuai daripada Takano (2003); O'neill dan Simard (2006); Lafond dan Heritage (2009)
D	Warisan Budaya	Warisan budaya merujuk kepada budaya ketara iaitu budaya yang boleh dilihat dan disentuh dengan nyata seperti bangunan, tugu dan lain-lain, dan budaya tidak ketara iaitu budaya yang tidak nyata seperti amalan, adat resam, seni dan sebagainya serta pemeliharaan dan pemuliharaan warisan yang melibatkan pembaikpulihan, cat semula, ubah suai, dan lain-lain yang membawa kepada <i>survival</i> warisan budaya.	9	Diubahsuai daripada Appendino (2017); Abdul Aziz (2011) dan Syed Zainol Abidin Iddid (1992)
E	Peranan Kerajaan dan Komuniti	Peranan kerajaan dan komuniti merujuk kepada penglibatan komuniti, pengurusan persekitaran, pengurusan pelancongan dan warisan, dan pengurusan risiko sebagai usaha yang dilakukan untuk mengekalkan warisan budaya	18	Diubahsuai Local Agenda 21 (1992) dan Tan et al., (2018)
F	Profil Responden	Melibatkan maklumat jantina, bangsa dan taraf kependudukan.	3	Dibina mengikut keperluan kajian

3.4 Kebolehpercayaan Instrumen

Jadual 4 menunjukkan kebolehpercayaan konstruk kelestarian bandar warisan dengan nilai Alpha Cronbach bagi mengukur tahap konsisten dalaman konstruk. Nilai Alpha Cronbach adalah berdasarkan klasifikasi indeks kebolehpercayaan iaitu nilai 0.90-1.00 adalah sangat tinggi, 0.70-0.89 adalah tinggi, 0.30-0.69 adalah sederhana dan 0.00-0.30 adalah rendah (Babbie, 1992). Nilai kebolehpercayaan yang baik adalah antara 0.70 keatas (Mohamad et al., 2015). Hasil analisis menunjukkan nilai Alpha Cronbach berada di antara 0.70-0.95 iaitu pada aras yang sangat tinggi dan tinggi. Oleh itu, instrumen kajian ini mempunyai aras kebolehpercayaan yang tinggi mengikut klasifikasi yang ditetapkan oleh Babbie (1992).

Jadual 4 Nilai Pekali Alpha

Konstruk	Bil. Item	Nilai Pekali Alpha
Kemakmuran Ekonomi	13	.878
Kesejahteraan Sosial	9	.898
Kualiti Alam Sekitar	8	.745
Warisan Budaya	9	.914
Govenan dan Komuniti	18	.974

3.4 Kaedah Analisis Data

Data dianalisis menggunakan kaedah deskriptif iaitu mendapatkan nilai kekerapan, peratusan, dan min setiap pemboleh ubah dan min purata. Bagi memudahkan interpretasi tahap setiap pemboleh ubah, tahap dibahagikan kepada tiga iaitu tahap rendah, tahap sederhana dan tahap tinggi. Bagi memudahkan interpretasi tahap tersebut, *cut off point* digunakan (Jadual 5).

Jadual 5 *Cut off Point* Tahap Setiap Konstruk Kajian

Skala	Tahap
Skor 1.00 - 2.33	Rendah
Skor 2.34 - 3.66	Sederhana
Skor 3.67 - 5.00	Tinggi

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.0 Latar Belakang Responden

Jadual 6 menunjukkan 1000 orang responden yang menetap di kawasan bandar warisan seluruh Malaysia. Hasil analisis mendapati bahawa sebanyak 361 orang adalah lelaki dan 639 orang adalah perempuan. Pecahan bangsa pula hanya menunjukkan sebanyak 846 orang adalah berbangsa Melayu, 56 orang adalah berbangsa Cina, 62 orang adalah berbangsa India, 3 orang adalah Bumiputera Sabah, 30 orang adalah Bumiputera Sarawak dan lain-lain bangsa sebanyak 3 orang. Manakala taraf kependudukan ialah seramai 780 orang adalah penduduk tempatan yang memang lahir dan membesar di kawasan kajian dan selebihnya iaitu 220 orang adalah penduduk bukan tempatan yang datang menetap di kawasan tersebut atas urusan kerja, belajar dan lain-lain.

Jadual 6 Latar belakang responden

Latar Belakang Responden		Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	361	36.1
	Perempuan	639	63.9
Bangsa	Melayu	846	84.6
	Cina	56	5.6
	India	62	6.2
	Bumiputera Sabah	3	0.3
	Bumiputera Sarawak	30	3.0
	Lain-lain	3	0.3
Taraf Penduduk	Penduduk Tempatan	780	78.0
	Penduduk Bukan Tempatan	220	22.0

4.2 Georgetown

Hasil daripada analisis deskriptif yang dilakukan, tahap kelestarian bandar Georgetown mengikut setiap konstruk adalah seperti dalam Jadual 7. Konstruk kemakmuran ekonomi menunjukkan tahap purata yang tinggi iaitu nilai min sebanyak 4.38 begitu juga dengan konstruk kesejahteraan sosial iaitu 4.10 secara puratanya. Manakala konstruk kesejahteraan alam sekitar menunjukkan tahap purata yang sederhana dengan bacaan nilai min sebanyak 2.71 sahaja. Konstruk warisan budaya dan konstruk peranan kerajaan dan komuniti juga menunjukkan tahap purata yang tinggi iaitu nilai min sebanyak 4.03 dan 4.50. Akhir sekali tahap kelestarian keseluruhan yang menggabungkan kelima-lima konstruk adalah tinggi iaitu sebanyak 3.94.

Jadual 7 Tahap Kelestarian Bandar Warisan di Georgetown

Konstruk	Rendah		Sederhana		Tinggi		Min	SP	Tahap Purata
	N	%	N	%	N	%			
Kemakmuran Ekonomi	-	-	7	7.0	93	93.0	4.38	.53416	Tinggi
Kesejahteraan Sosial	-	-	17	17.0	83	93.0	4.10	.46300	Tinggi
Kesejahteraan Alam Sekitar	6	6.0	93	93.0	1	1.0	2.71	.29617	Sederhana
Warisan Budaya	-	-	22	22.0	78	78.0	4.03	.58486	Tinggi
Peranan Kerajaan dan Komuniti	-	-	9	9.0	91	91.0	4.50	.57787	Tinggi
Tahap Kelestarian Keseluruhan Bandar							3.94	.49121	Tinggi

4.3 Taiping

Konstruk kemakmuran ekonomi di bandar Taiping menunjukkan tahap purata yang tinggi dengan bacaan nilai min sebanyak 4.54. Begitu juga dengan konstruk kesejahteraan sosial yang menunjukkan tahap purata yang tinggi dan bacaan nilai min sebanyak 4.01. Konstruk kesejahteraan alam sekitar pula menunjukkan tahap purata yang sederhana dengan bacaan min yang sedikit rendah iaitu sebanyak 2.79 sahaja. Manakala konstruk warisan budaya untuk bandar Taiping menunjukkan tahap purata yang tinggi dengan bacaan min sebanyak 4.08 dan konstruk peranan kerajaan dan komuniti juga menunjukkan tahap purata yang tinggi iaitu 4.56. Tahap keseluruhan kelestarian bandar warisan Taiping adalah tinggi dengan nilai min sebanyak 4.00 (Jadual 8).

Jadual 8 Tahap Kelestarian Bandar Warisan di Taiping

Konstruk	Rendah		Sederhana		Tinggi		Min	SP	Tahap Purata
	N	%	N	%	N	%			
Kemakmuran Ekonomi	-	-	6	6.0	94	94.0	4.54	.52454	Tinggi
Kesejahteraan Sosial	2	2.0	11	11.0	87	87.0	4.01	.51998	Tinggi
Kesejahteraan Alam Sekitar	3	3.0	94	94.0	3	3.0	2.79	.32840	Sederhana
Warisan Budaya	-	-	14	14.0	86	86.0	4.08	.46078	Tinggi
Peranan Kerajaan dan Komuniti	-	-	9	9.0	91	91.0	4.56	.57814	Tinggi
Tahap Kelestarian Keseluruhan Bandar							4.00	.48237	Tinggi

4.4 Kuala Kubu Bharu

Hasil daripada analisis yang dilakukan mendapati bahawa tahap purata semua konstruk bagi bandar Kuala Kubu Bharu adalah sederhana sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 9. Konstruk kemakmuran ekonomi menunjukkan bacaan min sebanyak 3.19 dan konstruk kesejahteraan sosial ialah 3.63. seterusnya, konstruk kesejahteraan alam sekitar ialah 3.36, konstruk warisan budaya dengan 3.30 dan konstruk peranan kerajaan dan komuniti ialah 3.31. Akhir sekali tahap kelestarian keseluruhan bandar warisan Kuala Kubu Bharu ialah sederhana dengan bacaan min sebanyak 3.36.

Jadual 9 Tahap Kelestarian Bandar Warisan di Kuala Kubu Bharu

Konstruk	Rendah		Sederhana		Tinggi		Min	SP	Tahap Purata
	N	%	N	%	N	%			
Kemakmuran Ekonomi	9	9.0	72	72.0	19	19.0	3.19	.55496	Sederhana
Kesejahteraan Sosial	1	1.0	60	60.0	39	39.0	3.63	.55411	Sederhana
Kesejahteraan Alam Sekitar	1	1.0	77	77.0	22	22.0	3.36	.42821	Sederhana
Warisan Budaya	7	7.0	67	67.0	26	26.0	3.30	.63365	Sederhana
Peranan Kerajaan dan Komuniti	6	6.0	69	69.0	25	25.0	3.31	.61241	Sederhana
Tahap Kelestarian Keseluruhan Bandar							3.36	.55667	Sederhana

4.5 Jugra

Jadual 10 menunjukkan tahap setiap konstruk kelestarian yang diuji di bandar Jugra. Semua konstruk yang diuji menunjukkan tahap purata yang sederhana sahaja. Konstruk kemakmuran ekonomi dengan bacaan min sebanyak 3.12, konstruk kesejahteraan sosial dengan bacaan min sebanyak 3.37, konstruk kesejahteraan alam sekitar ialah 3.36, konstruk warisan budaya ialah 3.34 dan konstruk peranan kerajaan dan komuniti iaitu 2.99 sahaja. Akhir sekali, tahap kelestarian keseluruhan untuk bandar warisan Jugra ialah sederhana dengan bacaan min sebanyak 3.23 sahaja.

Jadual 10 Tahap Kelestarian Bandar Warisan di Jugra

Konstruk	Rendah		Sederhana		Tinggi		Min	SP	Tahap Purata
	N	%	N	%	N	%			
Kemakmuran Ekonomi	5	5.0	83	83.0	12	12.0	3.12	.43379	Sederhana
Kesejahteraan Sosial	3	3.0	77	77.0	20	20.0	3.37	.47559	Sederhana
Kesejahteraan Alam Sekitar	-	-	80	80.0	20	20.0	3.36	.37406	Sederhana
Warisan Budaya	8	8.0	68	68.0	24	24.0	3.34	.58383	Sederhana
Peranan Kerajaan dan Komuniti	12	12.0	80	80.0	8	8.0	2.99	.57624	Sederhana
Tahap Kelestarian Keseluruhan Bandar							3.23	.48870	Sederhana

4.6 Tampin

Jadual 11 menunjukkan bacaan tahap setiap konstruk kelestarian bandar warisan di bandar Tampin. Konstruk kemakmuran ekonomi menunjukkan tahap purata yang sederhana iaitu bacaan min sebanyak 3.34, begitu juga dengan konstruk kesejahteraan sosial yang hanya menunjukkan tahap purata yang sederhana dengan bacaan min sebanyak 3.60. Konstruk kesejahteraan alam sekitar juga menunjukkan tahap purata yang sederhana iaitu dengan bacaan min sebanyak 3.02. Selain itu, konstruk warisan budaya dan peranan kerajaan dan komuniti juga menunjukkan tahap purata yang sederhana dengan bacaan min masing-masing sebanyak 3.44 dan 3.48. Akhir sekali, tahap kelestarian keseluruhan untuk bandar warisan Tampin ialah sederhana dengan bacaan min sebanyak 3.37 sahaja.

Jadual 11 Tahap Kelestarian Bandar Warisan di Tampin

Konstruk	Rendah		Sederhana		Tinggi		Min	SP	Tahap Purata
	N	%	N	%	N	%			
Kemakmuran Ekonomi	8	8.0	63	63.0	29	29.0	3.34	.70001	Sederhana
Kesejahteraan Sosial	3	3.0	52	52.0	45	45.0	3.60	.70646	Sederhana
Kesejahteraan Alam Sekitar	2	2.0	91	91.0	7	7.0	3.02	.40742	Sederhana
Warisan Budaya	6	6.0	63	63.0	31	31.0	3.44	.77697	Sederhana
Peranan Kerajaan dan Komuniti	4	4.0	58	58.0	38	38.0	3.48	.76142	Sederhana
Tahap Kelestarian Keseluruhan Bandar							3.37	.67046	Sederhana

4.7 Bandaraya Melaka

Jadual 12 menunjukkan bahawa tahap kemakmuran ekonomi di Bandaraya Melaka berada pada tahap purata tinggi iaitu dengan nilai min 4.32. Seterusnya, tahap kesejahteraan sosial ialah pada tahap purata yang tinggi juga iaitu dengan nilai min 3.92. Namun begitu, tahap kesejahteraan alam sekitar di Bandaraya Melaka hanya pada peringkat sederhana iaitu dengan nilai min 2.76. dapatan kajian juga turut mendapati bahawa tahap purata kelestarian warisan budaya dan peranan kerajaan dan komuniti adalah tinggi dengan nilai min masing-masing sebanyak 3.93 dan 3.87. Akhir sekali, tahap kelestarian keseluruhan untuk bandaraya Melaka ialah tinggi dengan bacaan min sebanyak 3.76.

Jadual 12 Tahap Kelestarian Bandar Warisan di Bandaraya Melaka

Konstruk	Rendah		Sederhana		Tinggi		Min	SP	Tahap Purata
	N	%	N	%	N	%			
Kemakmuran Ekonomi	-	-	9	9.0	91	91.0	4.32	.52660	Tinggi
Kesejahteraan Sosial	1	1.0	30	30.0	69	69.0	3.92	.47602	Tinggi
Kesejahteraan Alam Sekitar	4	4.0	96	96.0	-	-	2.76	.28718	Sederhana
Warisan Budaya	1	1.0	29	29.0	70	70.0	3.93	.53794	Tinggi
Peranan Kerajaan dan Komuniti	-	-	40	40.0	60	60.0	3.87	.56100	Tinggi
Tahap Kelestarian Keseluruhan Bandar							3.76	.47774	Tinggi

4.8 Muar

Tahap kelestarian setiap konstruk di Muar adalah sebagaimana dalam jadual 13. Konstruk kemakmuran ekonomi menunjukkan tahap purata yang tinggi dengan nilai min sebanyak 3.93. Sebagaimana konstruk kesejahteraan sosial juga berada pada tahap purata yang tinggi iaitu bacaan min sebanyak 3.95. Manakala, konstruk kesejahteraan alam sekitar menunjukkan tahap purata yang sederhana dengan bacaan

min yang sedikit rendah iaitu 2.98. Seterusnya, bagi konstruk warisan budaya pula menunjukkan tahap purata yang tinggi dan bacaan min sebanyak 3.82. Konstruk peranan kerajaan dan komuniti juga menunjukkan tahap purata yang tinggi dengan bacaan min sebanyak 3.87. Akhir sekali, tahap kelestarian keseluruhan untuk bandar warisan Muar ialah tinggi dengan bacaan min sebanyak 3.71.

Jadual 13 Tahap Kestarian Bandar Warisan di Muar

Konstruk	Rendah		Sederhana		Tinggi		Min	SP	Tahap Purata
	N	%	N	%	N	%			
Kemakmuran Ekonomi	-	-	22	22.0	78	78.0	3.93	.52060	Tinggi
Kesejahteraan Sosial	4	4.0	28	28.0	68	68.0	3.95	.67653	Tinggi
Kesejahteraan Alam Sekitar	5	5.0	90	90.0	5	5.0	2.98	.42451	Sederhana
Warisan Budaya	2	2.0	38	38.0	60	60.0	3.82	.62361	Tinggi
Peranan Kerajaan dan Komuniti	3	3.0	31	31.0	66	66.0	3.87	.65222	Tinggi
Tahap Kestarian Keseluruhan Bandar							3.71	.57949	Tinggi

4.9 Kuala Lipis

Jadual 14 menunjukkan tahap kelestarian setiap konstruk di bandar Kuala Lipis. Semua konstruk menunjukkan tahap purata yang sederhana di bandar Kuala Lipis. Bacaan min untuk konstruk kemakmuran ekonomi ialah 3.12, konstruk kesejahteraan sosial ialah 3.41, konstruk kesejahteraan alam sekitar ialah 2.97, konstruk warisan budaya ialah 3.50 dan konstruk peranan kerajaan dan komuniti ialah 3.39. Akhir sekali, tahap kelestarian keseluruhan untuk bandar warisan Kuala Lipis ialah sederhana dengan bacaan min sebanyak 3.28 sahaja.

Jadual 14 Tahap Kestarian Bandar Warisan di Kuala Lipis

Konstruk	Rendah		Sederhana		Tinggi		Min	SP	Tahap Purata
	N	%	N	%	N	%			
Kemakmuran Ekonomi	9	9.0	74	74.0	17	17.0	3.12	.59151	Sederhana
Kesejahteraan Sosial	3	3.0	66	66.0	31	31.0	3.41	.63365	Sederhana
Kesejahteraan Alam Sekitar	6	6.0	89	89.0	5	5.0	2.97	.42270	Sederhana
Warisan Budaya	6	6.0	55	55.0	39	39.0	3.50	.68430	Sederhana
Peranan Kerajaan dan Komuniti	3	3.0	65	65.0	32	32.0	3.39	.67118	Sederhana
Tahap Kestarian Keseluruhan Bandar							3.28	.59466	Sederhana

4.10 Kota Bharu

Jadual 15 menunjukkan tahap kelestarian setiap konstruk bagi bandar Kota Bharu. Konstruk kemakmuran ekonomi menunjukkan tahap purata yang tinggi iaitu dengan bacaan min sebanyak 3.93. Konstruk kesejahteraan sosial juga menunjukkan tahap purata yang tinggi iaitu dengan bacaan min sebanyak 3.68. Manakala, bagi tahap kesejahteraan alam sekitar pula hanya menunjukkan tahap purata yang sederhana dengan bacaan min sebanyak 2.85 sahaja. Seterusnya, konstruk warisan budaya menunjukkan tahap purata yang tinggi dengan bacaan min sebanyak 3.97, begitu juga dengan konstruk peranan kerajaan dan komuniti yang menunjukkan tahap purata yang tinggi dengan bacaan nilai min sebanyak 3.84. Akhir sekali, tahap kelestarian keseluruhan untuk bandar warisan Kota Bharu ialah sederhana dengan bacaan min sebanyak 3.65 sahaja.

Jadual 15 Tahap Kestarian Bandar Warisan di Kota Bharu

Konstruk	Rendah		Sederhana		Tinggi		Min	SP	Tahap Purata
	N	%	N	%	N	%			
Kemakmuran Ekonomi	1	1.0	26	26.0	73	73.0	3.93	.50761	Tinggi
Kesejahteraan Sosial	5	5.0	40	40.0	55	55.0	3.68	.60817	Tinggi
Kesejahteraan Alam Sekitar	5	5.0	88	88.0	7	7.0	2.85	.47686	Sederhana
Warisan Budaya	1	1.0	25	25.0	74	74.0	3.97	.56044	Tinggi
Peranan Kerajaan dan Komuniti	5	5.0	25	25.0	70	70.0	3.84	.65226	Tinggi
Tahap Kestarian Keseluruhan Bandar							3.65	.56106	Sederhana

4.11 Kuching

Hasil analisis yang dilakukan terhadap konstruk kelestarian bandar warisan di bandar Kuching dapat dijelaskan seperti dalam jadual 16. Konstruk kemakmuran ekonomi mencatatkan tahap purata yang tinggi dengan bacaan nilai min sebanyak 3.80. Konstruk kesejahteraan sosial pula hanya berada pada tahap sederhana sahaja dengan nilai min sebanyak 3.50 begitu juga dengan konstruk kesejahteraan alam sekitar. Tahap purata untuk konstruk kesejahteraan alam sekitar ialah sederhana dan bacaan nilai min ialah 2.92. Manakala, konstruk warisan budaya pula pada tahap purata yang tinggi dengan nilai min sebanyak 3.70. Akhir sekali, konstruk peranan kerajaan dan komuniti pula hanya berada pada tahap purata yang sederhana dengan mencatatkan nilai min sebanyak 3.65. Akhir sekali, tahap kelestarian keseluruhan untuk bandar warisan Kuching ialah sederhana dengan bacaan min sebanyak 3.51 sahaja.

Jadual 16 Tahap Kelestarian Bandar Warisan di Kuching

Konstruk	Rendah		Sederhana		Tinggi		Min	SP	Tahap Purata
	N	%	N	%	N	%			
Kemakmuran Ekonomi	3	3.0	29	29.0	68	68.0	3.80	.63483	Tinggi
Kesejahteraan Sosial	6	6.0	58	58.0	36	36.0	3.50	.71040	Sederhana
Kesejahteraan Alam Sekitar	8	8.0	89	89.0	3	3.0	2.92	.39957	Sederhana
Warisan Budaya	5	5.0	37	37.0	58	58.0	3.70	.76376	Tinggi
Peranan Kerajaan dan Komuniti	5	5.0	39	39.0	56	56.0	3.65	.76330	Sederhana
Tahap Kelestarian Keseluruhan Bandar							3.51	.65437	Sederhana

4.12 Purata Kelestarian Bandar Warisan Malaysia

Rajah 2 menunjukkan graf tahap kelestarian untuk 10 buah bandar warisan di Malaysia berserta dengan nilai min. Nilai min ialah purata keseluruhan untuk mewakili tahap bandar warisan di Malaysia iaitu sebanyak 3.58. Jika dirujuk pada nilai *cut off point* (Jadual 3), 3.58 adalah pada tahap yang sederhana. Secara keseluruhannya, tahap kelestarian bandar warisan di Malaysia adalah sederhana. Dimana secara terperinci hanya lima buah bandar warisan sahaja yang mencatatkan tahap kelestarian melebihi nilai min iaitu Taiping, Georgetown, Bandaraya Melaka, Muar dan Kota Bharu. Manakala lima buah bandar warisan lagi iaitu Kuching, Tampin, Kuala Kubu Bharu, Kuala Lipis dan Jugra tidak mencapai tahap nilai min untuk bandar warisan Malaysia. Selain itu, bandar yang mencatatkan tahap kelestarian yang tertinggi ialah Taiping dengan nilai min sebanyak 4.0 dan bandar yang mencatatkan tahap kelestarian yang rendah ialah Jugra dengan bacaan min sebanyak 3.23 sahaja. Jika diteliti, bandar-bandar yang tidak mencapai nilai min purata adalah disebabkan oleh bacaan min berdasarkan konstruk tidak memuaskan. Sebagai contoh, bagi bandar Kuching, Tampin, Kuala Kubu Bharu, Kuala Lipis dan Jugra kebanyakan nilai min untuk setiap konstruk adalah sederhana sahaja. Oleh itu, pihak berkuasa perlu memberi fokus kepada konstruk-konstruk yang mencatatkan nilai purata sederhana di setiap bandar dan mencari solusi untuk meningkatkan tahap tersebut. Meningkatkan tahap kelestarian setiap konstruk akan memberi kesan yang positif terhadap kehidupan masyarakat di bandar warisan (Appendino, 2017). Kehidupan masyarakat di bandar warisan akan menjadi lebih sejahtera dan berdaya huni sebagaimana yang disasarkan oleh SDG. Selain itu, bandar warisan sendiri akan menjadi lebih berdaya saing, mesra penduduk dan tidak menjadi bandar yang lesu. Sebagaimana yang disebut oleh Wictor-March (2019), Tan et al. (2018), Leus dan Verhelst (2018), bandar warisan yang mampu menyediakan peluang ekonomi, persekitaran sosial dan alam sekitar yang sejahtera disamping pengkalan warisan budaya dengan penerapan polisi yang baik akan membentuk sebuah bandar warisan yang lestari untuk kehidupan masyarakat setempat.

Rajah 2 Graf Tahap Kelestarian Bandar Warisan di Malaysia



Petunjuk

TPG: Taiping

GTW: Georgetown

BM: Bandaraya Melaka

MR: Muar

KBR: Kota Bharu

KCH: Kuching

TMN: Tampin

KKB: Kuala Kubu Bharu

KLS: Kuala Lipis

JG: Jugra

5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil analisis deskriptif untuk tahap kelestarian 10 buah bandar warisan di Malaysia berdasarkan lima indikator iaitu kemakmuran ekonomi, kesejahteraan sosial, kesejahteraan alam sekitar, warisan budaya serta peranan kerajaan dan komuniti menunjukkan majoritinya berada pada tahap tinggi dan sederhana iaitu dalam skor mean antara 2.34 sehingga 5.00. Bagi tahap kelestarian keseluruhan bandar-bandar tersebut ialah Georgetown (3.94 = tinggi), Taiping (4.00 = tinggi), Kuala Kubu Bharu (3.36 = sederhana), Jugra (3.23 = sederhana), Tampin (3.37 = sederhana), Bandaraya Melaka (3.76 = tinggi), Muar (3.71 = tinggi), Kuala Lipis (3.28 = sederhana), Kota Bharu (3.65 = sederhana), Kuching (3.51 = sederhana) dan hanya lima buah bandar warisan sahaja yang mencapai tahap purata keseluruhan bagi kelestarian bandar warisan Malaysia iaitu 3.58. Melalui kajian ini, gambaran yang jelas dapat ditunjukkan kepada semua pihak tentang situasi sebenar tahap kelestarian bandar warisan tersebut. Bagi bandar yang mempunyai indikator kelestarian yang berada pada tahap sederhana perlu mengambil langkah mitigasi dan mencari formula untuk meningkatkan tahap kelestarian kepada tahap yang paling maksimum. Penelitian terhadap setiap indikator perlu dilakukan oleh pihak berkuasa agar tahap kelestarian secara keseluruhan bagi bandar warisan dapat ditingkatkan. Tujuannya untuk menjadikan bandar warisan itu sebuah bandar yang inklusif, berdaya huni dan sejahtera untuk semua komuniti menjelang tahun 2030 seperti mana yang disasarkan dalam SDG.

Penghargaan

Kajian ini memperoleh pembiayaan kewangan daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di bawah peruntukan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) (Kod: 2019-0150-106-02). Penulis juga mengucapkan penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kerana membantu pengurusan geran penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdul Aziz, H. (Ed.). (2011). *Pemuliharaan dan pemeliharaan warisan di Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Samad, H., Shaharudin, I., & Abdul Hadi, H. S. (2004). Persekitaran bandar lestari untuk kesejahteraan komuniti. *Malaysia Journal of Environmental Management*, 5, 3–29.
- ADB. (2001). *Urban indicators for managing cities : city data book*. Manila: Asia Development Bank.
- Appendino, F. (2017). Balancing Heritage Conservation and Sustainable Development—The Case of Bordeaux. *World Multidisciplinary Civil Engineering Architecture-Urban Planning Symposium- WMCAUS 2017, Jun 2017*. <https://doi.org/10.1088/1757-899X/245/6/062002>
- Australian Conservation Foundation. (2010). Sustainable Cities Index—Ranking Australia's 20 Largest Cities in 2010. Retrieved from http://www.acfonline.org.au/sites/default/files/resources/2010_ACF_SCI_Report_Comparative-Table_and-Fact-Sheets.pdf
- Babbie, E. (1992). *The practice of social research*. Belmont, CA: Wadsworth Publishing Company.
- Bandarin, F., Hosagrahar, J., & Albermaz, F. (2011). Why development needs culture. *Journal of Cultural Heritage Management and Sustainable Development*, 1(1), 15–25.
- Barton, H., & Grant, M. (2012). Urban planning for healthy cities a review of the progress of the European healthy cities programme. *Journal of Urban Health*, 90(1). <https://doi.org/10.1007/s11524-011-9649-3>
- Brundtland, G. H. (1987). *Report of the World Commission on Environment and Development: Our Common Future*. Retrieved from <https://sustainabledevelopment.un.org/content/documents/5987our-common-future.pdf>
- Caprotti, F., Cowley, R., Datta, A., Broto, V. C., Gao, E., Georgeson, L., & Joss, S. (2017). The new urban agenda: key opportunities and challenges for policy and practice. *Urban Research & Practice*, 10(3), 367–378.
- Chamhuri, S., Rospidah, G., & Sharina, A. H. (Eds.). (2014). *Pembangunan lestari di Malaysia: harapan dan kenyataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Choon, S. W., Chamhuri, S., Pereira, J. J., Jemain, A. A., Hashim, H. S., & Hadi, A. S. (2011). A sustainable city index for Malaysia. *International Journal of Sustainable Development & World Ecology*, 18(1), 28–35. <https://doi.org/10.1080/13504509.2011.543012>
- CHS. (2004). *Urban indicators guidelines: monitoring the Habitat Agenda and the Millennium Development Goals*. Nairobi: United Nations Centre for Human Settlements.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan* (1st ed.). Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia).
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah dan statistik penyelidikan Buku 5: ujian regresi, analisis faktor dan analisis SEM* (2nd Ed). Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia).
- Cohen, J. (1988). *Statistical power analysis for the behavioural science* (2nd ed.). New York: Academic Press.
- Comrey, A. L., & Lee, H. B. (1992). *A first course in factor analysis* (2nd ed.). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- ESCAP. (2007). *Some sustainable development indicators sets and indices*. Bangkok: United Nation Economic and Social Commission for Asia and the Pacific.
- Fatimah, Y., Katiman, R., & Zikri, M. (2008). Bandar Berdaya Saing vis-a-vis Pembangunan Bandar Lestari: Suatu wacana tentang pembangunan bandar di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 4(1), 85–98.
- Graham, B., Ashworth, G., & Tunbridge, J. (2016). *A geography of heritage: power, culture and economy*. Routledge.
- Habitat III. (2016). New urban agenda. Retrieved from <http://habitat3.org/the-new-urban-agenda/>
- ICCROM, ICOMOS, IUCN, & UNESCO World Heritage Centre. (2011). *World heritage resource manual: Preparing world heritage nominations* (2nd ed.). Paris: United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2018). Kompendium PLAN Malaysia. Retrieved from <https://www.townplan.gov.my/kompendium/>
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2019). Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampam Bandar-Luar Bandar Malaysia (MurniNet 2.0). Retrieved from <http://murninet.townplan.gov.my/murninetsv2/>
- Karoglou, M., Kyvelou, S. S., Boukouvalas, C., Theofani, C., Bakolas, A., Krokida, M., & Moropoulou, A. (2019). Towards a preservation-sustainability nexus: Applying LCA to reduce the environmental footprint of modern built heritage. *Sustainability*, 11(21), 6167. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.3390/su11216147>
- Krejchic, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Lafond, L. J., & Heritage, Z. (2009). National networks of healthy cities in Europe. *Health Promotion International*, 24(1). <https://doi.org/https://doi.org/10.1093/heapro/dap060>
- Leus, M., & Verhelst, W. (2018). Sustainability assessment of urban heritage sites. *Buildings*, 8(8), 107. <https://doi.org/doi:10.3390/buildings8080107>
- Meadows, D. H., Meadows, D. L., Randers, J., & Behrens III, W. W. (1972). *The Limit to growth*. New York: Universe Books.
- Mohamad, M. M., Sulaiman, N. L., Sern, L. C., & Salleh, K. M. (2015). Measuring the validity and reliability of research instruments. *4th World Congress on Technical and Vocational Education and Training (WoCTVET), 5th-6th November 2014, Malaysia*, 164–171. Malaysia.
- O'Neill, M., & Simard, P. (2006). Choosing indicators to evaluate healthy cities projects: a political task? *Health Promotion International*, 21(2), 145–152. <https://doi.org/https://doi.org/10.1093/heapro/dal006>
- Pham, V. M., Nghiem, S. V., Bui, Q. T., Pham, T. M., & Pham, C. V. (2019). Quantitative assessment of urbanization and impact in the complex of Hue Monuments, Vietnam. *Applied Geography*, 112(40). <https://doi.org/https://agris.fao.org/agris-search/search.do?recordID=US202000023546>
- Poon, S. T. F. (2019). Reimagining the place and placelessness: heritage symbolism and hospitality architectural designs. *Place Branding and Public Diplomacy*, 15(4), 288–296. <https://doi.org/https://doi.org/10.1057/s41254-019-00133-7>
- Runnalls, C. (2007). *Choreographing community sustainability: The importance of cultural planning to community viability*. Canada: Centre of Expertise on Culture and Communities, Simon Fraser University.
- Salvatore, C. L. (Ed.). (2018). *Cultural Heritage Care and Management: Theory and Practice*. Lanham: Rowman & Littlefield.
- Satterthwaite, D. (2016). A new urban agenda? *Environment and Urbanization*, 28(1), 3–12.
- Syed Zainol, A. I. (1992). *Pemuliharaan warisan rupa bandar*. Kuala Lumpur: Badan Warisan Malaysia.
- Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (1996). *Using multivariate statistics* (3rd ed.). New York: Harper Collins.
- Takano, T. (Ed.). (2003). *Healthy Cities and Urban Policy Research*. London and New York: Spon Press.
- Tan, S. K., Tan, S. H., Kok, Y. S., & Choon, S. W. (2018). Sense of place and sustainability of intangible cultural heritage – The case of George Town and Melaka. *Tourism Management*, 67, 376–387. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.tourman.2018.02.012>
- Tweed, C., & Sutherland, M. (2007). Built cultural heritage and sustainable urban development. *Landscape and Urban Planning*, 83(1), 62–69.
- UNESCO. (2017). Sustainable Development Goal. Retrieved from UNESCO website: <http://www.un.org/sustainabledevelopment>
- UNESCO. (2019). *Operational guidelines for the implementation of the World Heritage Convention*. Paris: UNESCO.
- United Nation. (2019). Sustainable Development Goals (SDGs). Retrieved from United Nation website: <https://www.un.org/sustainabledevelopment/>
- United Nation Sustainable Development. (1992). Agenda 21. *United Nations Conference on Environment & Development Rio de Janeiro, Brazil, 3 to 14 June 1992*, 1–351. Rio De Janeiro, Brazil.
- Wang, S., & Gu, K. (2020). Pingyao: The historic urban landscape and planning for heritage-led urban changes. *Cities*, 97. <https://doi.org/10.1016/j.cities.2019.102489>
- Wiktor-Mach, D. (2019). Cultural heritage and development: UNESCO's new paradigm in a changing geopolitical context. *Third World Quarterly*, 1593–1612. <https://doi.org/https://doi.org/10.1080/01436597.2019.1604131>